

**LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU SEMPENA LAWATAN BERINFORMASI DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

Kuantan, 5 April 2021 – Dewan Negeri Pahang telah menerima delegasi daripada Dewan Undangan Negeri Terengganu yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Haji Yahaya bin Ali, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Terengganu dan isteri To' Puan Zarani binti Othman beserta pegawai dan kakitangan Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Lawatan tersebut merupakan susulan kepada Kolokium Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pantai Timur yang telah diadakan pada tahun 2019 di Kuala Terengganu yang bertujuan untuk meningkatkan hubungan di antara Dewan Undangan Negeri Terengganu dan Dewan Negeri Pahang di samping bertukar-tukar pandangan dan usaha penambahbaikan dalam urusan pentadbiran Dewan Negeri.

Dalam ucapan alu-aluan Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhammad, Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang telah menekankan bahawa proses penambahbaikan berterusan perlu dirancang dan dilaksana bagi memastikan institusi Dewan Negeri selaku badan penggubal dasar negeri terus terpelihara.

Sempena lawatan tersebut, sesi kunjung hormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Terengganu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah diatur di Bilik Kunjung Hormat Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Majlis diakhiri dengan sesi jamuan tengah hari bagi meraikan kedatangan delegasi Dewan Undangan Negeri Terengganu.





